

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

9. Lanjutan daripada inisiatif-inisiatif Penang Lawan COVID-19 yang telah diumumkan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang lain dalam usaha membantu golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini secara global?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

9. Pada 25 Mac 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang berjumlah RM75 juta bagi merangsang ekonomi negeri Pulau Pinang dan membantu rakyat negeri Pulau Pinang yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Objektif utama Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang adalah:
 - (i) Memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan (*most vulnerable group*), iaitu penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, OKU dan kumpulan B40;
 - (ii) Mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti; dan
 - (iii) Membolehkan kelangsungan perniagaan atau '*business continuity*' di negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca 31 Mac 2020.

Kerajaan Negeri sememangnya menyedari impak wabak COVID-19 kepada semua golongan. Kerajaan Negeri sedang mengkaji situasi ini dan sebarang inisiatif baharu akan diumumkan dari semasa ke semasa.